

## Persisi perlu terima teguran dengan lapang dada

Berita Harian, 1 November 1998, Page 27

Article also available on Microfilm Reel NL21548

Printer-Friendly Page

## Persisi perlu terima teguran dengan lapang dada

**KOMEN** YUSOFF A. RAHMAN

MULA-MULA yang kedengaran adalah desas-desus. Kemudian di-sahkan pula melalui keluhan seorang pesilat. Baru-baru ini, jurulatih nasional, Jasni Salam, menyebutnya secara terbuka.

Keputusan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang keberatan untuk memberi lebih banyak peluang kepada pesilat negara menyertai kejohanan luar negeri pada penggal lalu sebagai persiapan menghadapi kejohanan penting kerana kluatir cedera menimbulkan tanda tanya.

Alasan seperti itu sudah keting-lat lebih terdedah kepada risiko kecederaan.

Kalau sudah cedera, siapa pula yang hendak mewakili negara dan kalau sudah cedera, akan bertambah tipis peluang kejayaan.

Tetapi seperti pengakuan Jasni, kecederaan boleh berlaku di mana-mana. Tidak semestinya di medan pertempuran.

Ia boleh berlaku semasa latihan di sini. Kadangkala tidak perlu berlatih, boleh juga cedera.

Baru-baru ini, saya berpeluang mendengar keluhan seorang pesilat. Menurutnyanya, bagaimana pesil-membawa kejayaan.

Kadir Ibrahim menjadi johan dunia. Singapura mengutip empat pingat perak dalam Sukan SEA Jakarta.

Sejauh ini, pesilat-pesilat setempat keberatan untuk mencurahkan keluhannya.

Saya difahamkan ada semacam larangan tidak bertulis supaya jangan bercakap kepada pihak media. Apatah lagi, Presiden Persisi, Abdul Rahman Ismail, kerap mengingatkan saya jika hendak menulis tentang Persisi khususnya dan silat amnya, biarlah yang positif saja.

galan zaman. Lebih tepat lagi, alasan lapuk.

Bayangkan, sukan-sukan lain seperti pasukan-pasukan bolasepak begitu ghairah mengadakan latihan sambil bertanding di luar negeri sebelum menghadapi Liga-S.

Bahkan, skuad sepaktakraw Singapura ke Sukan Asia, Bangkok juga merancang mengadakan latihan sambil bertanding di ibu kota Thailand itu.

Barangkali Persisi melihat silat tidak seperti sukan bolasepak ataupun sepaktakraw. Mungkin, silat hendak maju jika bilangan kejohanan yang hendak disertai dibataskan kerana kluatirkan soal cedera.

"Kejohanan silat sememangnya terbatas. Kalau kami tidak diberi peluang menguji kebolehan dalam kejohanan undangan seperti Kejohanan Hanoi, bagaimana hendak mengetahui kebolehan kami.

"Takkan beriatih saja dan terus pergi ke Sukan SEA. Pendedahan adalah perlu jika hendak menang pingat emas," kata pesilat itu.

Mujurlah, dalam kejohanan-kejohanan lalu, para pesilat pulang

Lebih tepat lagi, yang baik-baik saja. Tetapi hakikat dalam sukan tidak begitu. Yang positif, yang negatif dan kontroversi adalah bahan media.

Yang negatif tidak semestinya harus dilihat dari sudut negatif. Jika dilihat dari sudut positif, keluhan pesilat dan juga pengakuan Jasni itu adalah untuk kebaikan sukan itu sendiri.

Yang penting, Persisi seperti persatuan sukan lain, wajar menerima saranan, teguran, kritikan dengan lapang dada sekalipun salurannya adalah pihak MEDIA.

